

TARIKH IKLAN: 21/12/2023



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera di Daerah Dungun, Terengganu** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB) & Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di dalam Kod Bidang yang berkaitan bagi perkhidmatan berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
KRBB/PER/SHR/3/3/2023	Perkhidmatan Penyelenggaraan Elektrik Domestik Dan Telekomunikasi Bagi Tempoh 3 Tahun Di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Harga Dokumen : RM50.00 Senaskah	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB) : Kelas : G2 Kategori : ME Pengkhususan : E04 & E11 DAN Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di dalam bidang : 220503 Perkakas / Sistem Elektrik

1. Dokumen Meja Tawaran akan dipamer **pada 27/12/2023** di Kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi pada waktu pejabat.
2. Lawatan Tapak / Taklimat bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada **27/12/2023 pukul 11.00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu**.
Nota: Dalam Pematuhan SOP (Penjarakan Sosial), pihak syarikat diwajibkan mengisi Borang Saringan Covid-19 UiTM / Mengimbas MySejahtera terlebih dahulu sebelum memasuki kawasan UiTM untuk menghadiri Lawatan Tapak pada hari berkenaan. (<https://saringc19.uitm.edu.my/>) Sila patuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM semasa sesi Taklimat / Lawatan Tapak.
3. Kehadiran Penyebutharga ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Penyebutharga tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.
4. Dokumen Tawaran boleh dibeli **Selepas Taklimat Dan Lawatan Tapak** di Kaunter Pejabat Bendahari, **UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi, 23200 Bukit Besi, Terengganu** dengan menggunakan **Pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit / Kredit)**.
5. Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan maklumat lanjut, pihak syarikat boleh menghubungi talian (**No.Telefon : 09-833 5026 / 09-840 0140**) dalam tempoh iklan.
6. Petender-petender dikehendaki membawa **SALINAN Sijil CIDB / KKM / SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera** dalam Bidang / Gred seperti di atas semasa membeli Dokumen Tawaran tersebut.
7. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **PEJABAT BENDAHARI, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi, 23200 Bukit Besi, Terengganu** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
8. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **09/01/2024 jam 12.00 tengahari**. Tawaran Sebutharga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.